



JURNAL PEMBANGUNAN SOSIAL

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/jps>

How to cite this article:

Sairan, M. A. A. (2024). Perspektif Islam berkenaan teknik bermain dalam pembelajaran pendidikan awal kanak-kanak. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 27, 161-183. <https://doi.org/10.32890/jps2024.27.8>

**PERSPEKTIF ISLAM BERKENAAN TEKNIK
BERMAIN DALAM PEMBELAJARAN PENDIDIKAN
AWAL KANAK-KANAK**

*(Islamic Perspective on Play-based Techniques in
Early Childhood Education Learning)*

Mohd Ammyrul Ashraf Sairan

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia, Malaysia

ammyrul@uum.edu.my

Received: 14/6/2023 Revised: 3/7/2024 Accepted: 23/7/2024 Published: 1/10/2024

ABSTRAK

Pendidikan awal kanak-kanak amat penting dalam menentukan hala tuju kehidupan anak-anak pada masa hadapan. Dalam konteks pembangunan pendidikan awal kanak-kanak, agama Islam memberi penekanan yang jitu terhadap perkembangan kanak-kanak dalam meraikan fitrah semula jadi mereka yang suka bermain. Kurangnya pemahaman dalam perspektif Islam dalam mendidik kanak-kanak secara menyeronokkan dalam pembelajaran menjadi permasalahan utama. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan bagi mengkaji tentang pembelajaran secara bermain dalam konteks Islam. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif menerusi kajian kepustakaan bagi

mendapatkan sumber primer yang berhubungan dengan pendekatan terapi bermain menurut pandangan Islam. Pandangan sarjana barat juga dikaji bagi melihat persamaan dan kepentingan pendidikan awal kanak-kanak. Kebanyakan sumber maklumat diperolehi menerusi jurnal, buku, al-Quran, hadis dan artikel. Maklumat yang dikumpulkan akan disaring untuk dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan. Hasil analisis menjelaskan bahawa pendekatan bermain dalam pendidikan awal kanak-kanak menerusi perspektif Barat telah menjadi amalan gaya asuhan dalam konteks Islam serta menjadi amalan Rasulullah SAW. Justeru, dengan memberi penerangan tentang aktiviti bermain yang diselarikan dengan elemen agama dapat membantu perkembangan kanak-kanak dari segi pengetahuan dan ilmu bahkan dari sudut holistik merangkumi sosial, emosi, fizikal dan rohani.

Kata Kunci: Pendidikan awal, Islam, permainan, kanak-kanak, pembelajaran.

ABSTRACT

Early childhood education is very important in setting the course for children's later lives. In the context of the development of early childhood education, the Islamic religion places special emphasis on the development of children by celebrating their natural playful nature. Therefore, this study aims to examine learning through play in the context of Islam. This study uses qualitative methods through library research to obtain primary sources on the approach of play therapy according to Islamic viewpoints. The views of Western scholars are also consulted to identify the similarities and importance of early childhood education. All information can be obtained from sources such as journals, books, the Quran, hadiths, and articles. The information is collected and sifted to be analysed using content analysis methods. The results of the analysis show that from the western point of view, the playful approach in early childhood education has already become the practise of educational style in the context of Islam as well as the practise of Rasulullah SAW. By explaining play in conjunction with religious elements, children's development in terms of knowledge and understanding can even be promoted from a holistic point of view that includes social, emotional, physical, and spiritual aspects.

Keywords: *Early education, Islam, games, children, learning.*

PENGENALAN

Pendidikan dan pembelajaran sambil bermain adalah suatu pendekatan yang cukup popular dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, terutamanya dalam perspektif Islam. Kaedah pembelajaran sambil bermain diketahui dapat meningkatkan keterlibatan serta keberkesanan dalam pembelajaran kanak-kanak. Di samping itu, pemahaman dan perspektif Islam sangat menekankan kepentingan mendidik kanak-kanak secara mengasyikkan dalam proses pembelajaran. Hal ini sebagaimana yang disebutkan oleh Md. Jais et al. (2019), pendidikan sambil bermain merupakan salah satu bentuk pembelajaran yang dirancang secara khusus bagi memberikan pengalaman belajar yang menyenangkan dan efektif kepada kanak-kanak. Malahan, dalam perspektif Islam, pembelajaran sambil bermain haruslah dilakukan dengan cara yang bersesuaian dengan ajaran agama. Menurut Mohd Kamal (2012), kegiatan bermain pada awalnya berkemungkinan tidak memiliki tujuan tertentu, namun dapat dipergunakan sebagai media bagi mendorong perkembangan pembelajaran kanak-kanak menuju kepada pengembangan keterampilan diri.

Semenjak kurikulum pendidikan prasekolah memperkenalkan pendidikan pembelajaran sambil bermain menerusi Huraian Kurikulum Prasekolah Kebangsaan pada 2021, pendekatan sebegini dilihat menjadi teras utama dalam proses pembelajaran dan pengajaran kanak-kanak. Program ini bertujuan bagi mengembangkan lagi potensi kanak-kanak seawal usia mereka 4 tahun sehingga 6 tahun secara bersepadu dan sistematik. Program yang disediakan di prasekolah pada umumnya sebagai persediaan kepada kanak-kanak bagi mengikuti pendidikan di peringkat sekolah rendah menerusi pembelajaran berkenaan pengetahuan asas dan kemahiran asas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2021). Oleh yang demikian, menjadi lumrah kepada kanak-kanak untuk bermain dan hal ini boleh dijadikan pemangkin dan perantara bagi memastikan proses perkembangan kanak-kanak mencapai piawai yang lebih baik.

Selain itu, konsep pendidikan dan pembelajaran sambil bermain dilihat memainkan peranan yang signifikan dalam membantu perkembangan dan pembelajaran kanak-kanak oleh beberapa orang penyelidik seperti Bruce (2021), Papalia dan Olds (2020), Broedhead (2019) dan Brock et al. (2019). Mereka berpandangan bahawa, ketika kanak-kanak bermain dapat membuka ruang kepada proses penyusunan semula,

frasa pengayaan, penjanaan idea baru, membentuk pengalaman dan pengetahuan serta penghasilan kepada konsep-konsep baharu. Menurut Vickerius dan Sandberg (2020), bermain, belajar dan bekerja adalah sebahagian daripada unit pembelajaran kepada kanak-kanak. Unsur dalam permainan yang disediakan oleh para guru tidak sahaja bagi tujuan memeriahkan suasana bilik darjah namun memberi ruang kepada kanak-kanak untuk berkomunikasi dengan persekitaran di sekelilingnya (Brock et al., 2019). Bahkan, aktiviti menerusi permainan sememangnya dapat membantu mengembangkan aspek 3M (Membaca, Menulis dan Mengira) kanak-kanak dan juga membantu mengawal tingkah laku dan sahsiah mereka (Mariani & Siti Hawa, 2019).

Sungguhpun begitu, di era globalisasi wujud perubahan pola bermain kanak-kanak seiringnya perubahan masa dan waktu yakni, dahulunya bermain di luar rumah bersama rakan-rakan kepada bermain di depan layar secara bersendirinya di rumah. Perubahan yang berlaku pada hari ini, saling berhubungan dengan perubahan persekitaran sosial akibat daripada kemajuan dan perkembangan teknologi yang begitu pesat dalam negara kita. Terdapat kajian yang melaporkan bahawa perubahan yang berlaku ini ada hubung-kaitnya antara kesejahteraan kanak-kanak dengan kemerosotan tahap kesihatan (Aimi & Faridah, 2021). Menerusi laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Tinjauan Kebangsaan Kesihatan dan Morbiditi 2019, penghidap obesiti serta diabetes pada hari ini terutama dalam kalangan kanak-kanak semakin meningkat (Aimi & Faridah, 2021). Hal ini mempunyai hubung-kaitnya dengan kurangnya aktiviti berbentuk fizikal dalam kalangan kanak-kanak akibat daripada suasana pola bermain yang lebih terarah kepada alat-alat teknologi seperti permainan video konsol dan telefon pintar (Santrock, 2018).

Oleh yang demikian, Islam mewajibkan ke atas umatnya agar mengawal nafsu makan demi menjaga kesihatan. Menurut Shariff et al. (2018), seseorang individu akan kelihatan tidak sihat seandainya mereka memiliki tabiat memakan makanan yang tidak sihat. Jika amalan dan gaya hidup sihat diamalkan seperti saranan pakar nutrisi, maka mereka akan menjadi lebih sihat. Maka, dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak, bermain merupakan sebahagian daripada cara bagi kanak-kanak membakar tenaga yang diperolehi ketika makan, menerusi aktiviti bermain. Oleh yang demikian, komponen utama dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah kerja, bermain dan belajar (Vickerius & Sandberg, 2020).

Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti tentang pengajaran dan pedoman yang dapat ditimba melalui penelitian terhadap konsep dan pengaplikasian teknik pembelajaran sambil bermain menerusi pendidikan awal kanak-kanak dalam kaca mata Islam. Dapatan kajian yang terhasil akan dijadikan sebagai sumber maklumat yang akan dikongsikan kepada ibu bapa dan masyarakat terutama berkenaan isu pendidikan awal kanak-kanak. Maka, pendidikan di peringkat awal haruslah dititik beratkan, terutama dalam perkara mengendalikan psikologi diri dan kanak-kanak agar mereka tidak memberontak dan menyeleweng (Muhammad Saifullah, 2022).

KAJIAN LITERATUR

Banyak kajian telah menyarankan agar pendekatan bermain dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai strategi berkesan dalam pendidikan awal kanak-kanak. Antaranya, kajian daripada Piaget (1951) yang melihat pengalaman awal pendidikan memainkan peranan penting kerana dapat memberi ruang kepada kanak-kanak untuk memanipulasikan peralatan permainan yang disediakan dan melihat keberkesanannya. Tambah Piaget lagi, kaedah pendidikan seperti ini menuntut komitmen guru dalam menyediakan persekitaran yang kondusif agar dapat membantu mengembangkan lagi bakat dan kemahiran kanak-kanak secara menyeluruh. Sehubungan dengan itu, kajian Aimi dan Faridah (2021) mendapati terdapat jurang yang signifikan terhadap tahap kualiti aktiviti pendidikan antara prasekolah di bandar dan di luar bandar berkenaan tahap kualiti aktiviti prasekolah berdasarkan persepsi guru prasekolah terhadap aktiviti seperti muzik dan pergerakan, permainan sketsa dan teater, matematik dan nombor, serta penggunaan television, gadget dan video. Oleh yang demikian, guru disarankan untuk bersifat kreatif dan inovatif dalam mempelbagaikan strategi PdP dengan mencorakkan aktiviti bermain terhadap kanak-kanak.

Oleh itu, kanak-kanak akan termotivasi dan menunjukkan keterlibatan serta minat yang tinggi semasa bermain dan golongan pendidik terutama para guru haruslah menunjukkan sikap dan sifat yang sama ditunjukkan oleh kanak-kanak semasa mengikuti pembelajaran di bilik darjah. Dengan ini usaha bagi mengintegrasikan aktiviti permainan di dalam pelaksanaan PdP mengambil kira kelebihan yang bakal dinikmati menerusi penggunaan aktiviti bermain sebagai alat bantu mengajar.

Morrison (2020) pula dalam kajiannya mendapati, pentingnya aktiviti bermain kepada kanak-kanak kerana melalui aktiviti tersebut, mereka mengenal persekitaran sosial dan fizikal malah memberi ruang kepada mereka untuk menguasai kemahiran baharu di samping memperkembangkan konsep dan pengalaman. Menerusi aktiviti seperti ini secara tidak langsung kanak-kanak akan menjadi pelajar memandangkan mereka dapat menilai diri sendiri apabila menyelesaikan permasalahan berkaitan sosialisasi, meningkatkan perkembangan intelektual, mengawal tingkah laku dan emosi serta meningkatkan kemahiran dalam penyelesaian masalah (Morrison, 2020). Menurut kajian yang di sempurnakan oleh Hofferth dan Sandberg (2021), mendapati bahawa dalam proses perkembangan (early stage childhood), kanak-kanak memperuntukkan masa bermain yang begitu lama kepada diri mereka. Sehubungan dengan ini, bermain dapatlah dinilai sebagai aktiviti yang dijalankan oleh kanak-kanak sama ada berkumpulan mahupun bersendirian. Bahkan, aktiviti yang dijalankan bukan atas dasar paksaan tetapi mereka dengan secara sendirinya berkeinginan untuk bermain. Bermain juga boleh dijalankan di dalam mahupun di luar rumah. Selain itu, kanak-kanak juga berkemungkinan bermain dengan barang mainan yang dibeli atau direka bentuk secara sendiri atau dengan bimbingan ibu bapa. Semasa bermain juga, kanak-kanak harus diawasi oleh ibu bapa dan tidak sesekali membiarkan mereka bermain secara bersendirian serta sentiasa mengawasi faktor-faktor keselamatan sebelum membiarkan atau meninggalkan kanak-kanak bersendirian (Hoofeth & Sandberg, 2021).

Justeru, bermain dalam PdP merupakan satu aktiviti yang amat serius kepada perkembangan kanak-kanak memandangkan aktiviti seperti ini dapat membantu mereka mengembangkan tingkah-laku positif dalam pembelajaran. Pengalaman bermain juga memberikan mereka ruang bagi mempelajari kepelbagaian kemahiran yang akan memberikan kesan terhadap pertumbuhan dan perkembangan mereka untuk tempoh masa panjang.

METODOLOGI KAJIAN

Metodologi kajian adalah suatu proses bagi membentuk, mengumpul serta menganalisis segala maklumat yang diperolehi agar menghasilkan penemuan yang dapat menyokong sesuatu rumusan. Hal ini bertujuan sebagai alat bantu bagi memahami dengan lebih mendalam tentang

pengaplikasian kaedah dan cara penghuraian sesuatu proses kajian (Idris, 2021). Oleh demikian, kajian ini menggunakan kaedah penelitian secara kepustakaan dengan meneliti dapatan kajian daripada pengkaji-pengkaji lepas dengan menggunakan sumber berkaitan artikel dan penyelidikan berkenaan pendidikan awal kanak-kanak dan aktiviti bermain. Selain daripada itu, kaedah penulisan secara deskriptif turut digunakan terutama bagi menghuraikan tentang isu bermain dalam kalangan kanak-kanak. Dalam kajian ini juga, penulis mengambil keputusan untuk menggunakan kaedah kualitatif bagi menghuraikan teori-teori dan jenis permainan bagi menjelaskan lagi aspek dan kepentingannya dalam konteks Islam.


Kerangka konseptual yang diguna pakai adalah berasaskan kepada pengubahsuaian daripada Model Pembelajaran Permainan oleh Garris et al. (2022) serta teori-teori pembelajaran daripada Teori Behavioris dan Teori Konstruktivisme. Pada peringkat sumber (input), kandungan permainan boleh terbahagi kepada kepelbagaian seperti mekanik, dinamik dan estatik seperti yang dinyatakan oleh Hunicke et al. (2017). Oleh itu, modul pembelajaran muzik, boneka dan pergerakan dalam aktiviti sebagai perangsang bagi memotivasikan kanak-kanak dalam kitaran permainan. Kanak-kanak akan terdorong untuk memberi maklum balas dan pada masa yang sama mereka dapat menjalankan penilaian terhadap diri sendiri. Maka, kitaran permainan dapatlah dikaitkan antara Teori Behavioris dan Teori Konstruktivisme dalam menggambarkan kanak-kanak memproses maklumat yang diterima semasa berinteraksi dengan permainan yang dimainkan. Hasilnya dilihat daripada peringkat hasil (output) dalam bentuk pencapaian kanak-kanak setelah bermain. Secara ringkas, kanak-kanak akan mengalami kitaran permainan secara berulang-kali dan dipercayai bakal membawa kepada hasil pembelajaran iaitu aspek perkembangan mental dan komunikasi mereka.

Proses yang terlibat dalam kitaran permainan ini melibatkan penilaian daripada kanak-kanak, tingkah laku dan maklum balas sistem. Sebaik sahaja kanak-kanak terlibat dalam aktiviti permainan, mereka kelazimannya tidak akan berhenti daripada bermain dengan serta-merta bahkan, akan tetap terus bermain berulang-kali sekiranya aktiviti bermain itu adalah menyenangkan dan mencetuskan penghayatan sehinggakan kanak-kanak bermotivasi dan 'ketagihan' untuk terus bermain (Garris et al., 2022). Semasa menjalankan aktiviti permainan, para guru dan pendidik kanak-kanak harus membuat penilaian terhadap aktiviti kanak-kanak berkenaan sama ada permainan

tersebut menyeronokkan, menarik, mencetuskan kegembiraan atau menggalakkan keterlibatan. Selain itu, tingkah laku kanak-kanak ketika bermain dapat diperhatikan apabila mereka menunjukkan minat dan penglibatan yang aktif dalam aktiviti bermain yang terdapat dalam permainan berkenaan. Maklum balas yang diterima oleh kanak-kanak berkenaan kemajuan mereka dalam mencapai matlamat pembelajaran akan mendorong kanak-kanak ini meningkatkan usaha dan perhatian terhadap pelaksanaan aktiviti yang terdapat dalam permainan berkenaan. Oleh yang demikian, objektif pembelajaran dapat dicapai seandainya kanak-kanak terlibat secara aktif dalam melaksanakan aktiviti ataupun tugas yang terdapat dalam permainan berkenaan seperti yang dipaparkan dalam rajah 1.

Rajah 1

Kerangka Konseptual yang diubah Suai daripada Model Pembelajaran Berasaskan kepada Permainan Sumber-proses-hasil Garris et al. (2022)



ANALISIS KAJIAN

Islam merupakan sebuah agama yang sangat menjunjung tinggi dan menganjurkan umutnya untuk mencari ilmu. Bahkan al-

Quran berperanan penting sehingga terwujudnya peradaban Islam, memungkinkan manusia untuk terus mempelajari dan menyelidiki tentang sesuatu perkara. Begitu juga berkenaan dengan isu kanak-kanak, agama Islam sangat menitik berat akan perkembangan kanak-kanak dengan meraikan fitrah mereka yang sememangnya suka bermain. Oleh demikian kajian ini akan memerihalkan tentang kepentingan pembelajaran menerusi teknik bermain dalam konteks Islam. Penggunaan sumber daripada data sekunder akan digunakan dalam kajian ini. Data sekunder merupakan data yang dikumpul oleh sekumpulan pengkaji daripada sumber yang dimiliki. Hal ini digunakan bertujuan untuk menyokong data primer telah dikenal pasti. Antara sumber data termasuklah penerbitan, artikel jurnal dan catatan-catatan lain. Data sekunder berfungsi dalam menyokong kajian dan analisis data.

Konsep Pendidikan Awal Kanak-Kanak Dari Perspektif Islam

Menurut Kamarudin (2019), konsep pendidikan awal kanak-kanak boleh dibahagikan kepada dua peringkat mengikut umur kanak-kanak. Tahap pertama adalah tadika, atau lebih dikenali sebagai taska bagi kanak-kanak yang berusia 4 tahun. Tahap kedua ialah tadika (prasekolah) untuk kanak-kanak berusia 4 hingga 6 tahun. Pendidikan prasekolah pula suatu program yang memberi pendidikan kepada kanak-kanak yang berumur antara 4 hingga 6 tahun memasuki alam persekolahan sebenar. Merujuk takrifan pendidikan awal kanak-kanak menerusi Kod Etika Kelakuan The National Association for The Education of Young Children (NAEYC) 2011, sebagai sebuah program pendidikan yang menyediakan penjagaan, perkembangan, dan bimbingan untuk kanak-kanak seawal usia kelahiran sehinggalah ke umur 8 tahun. Program seperti ini diuruskan oleh pihak yang terlibat secara langsung seperti pusat jagaan dan asuhan serta hospital, dan secara tidak langsung seperti pentadbir program, pendidik ibu bapa mahupun pihak berkuasa yang memiliki lesen yang bertanggungjawab dengan program kanak-kanak.

Di Malaysia, pendidikan awal kanak-kanak adalah bermatlamatkan bagi mengembangkan kebolehan, bakat dan potensi jasmani, emosi, rohani dan intelektual (JERI) kanak-kanak menerusi perhubungan sosial yang terjalin secara formal mahupun tidak formal. Hal ini merupakan suatu usaha bagi persediaan awal supaya kanak-kanak dapat merasai pengalaman belajar dalam suasana yang bermakna

(Norfaezah et al., 2017). Perkara ini begitu selari dengan konsep dan pemikiran pendidikan Islam yang bersifat holistik, seimbang dan menyeluruh. Perihal ini dibuktikan menerusi wahyu pertama yang diturunkan kepada Rasulullah SAW dalam firman Allah SWT,

“Maksudnya; bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk). Ia menciptakan manusia daripada sebuku darah beku. Bacalah, dan Tuhanmu yang Maha Pemurah yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan, ia mengajar manusia apa yang tidak diketahuinya”.

(Surah al-Alaq: Ayat 1-5)

Ayat di atas memberi makna yang jelas tentang bidang pendidikan. Seandainya diteliti dengan lebih jelas, ayat ini menerangkan tentang mendidik dan mengajar mereka yang beriman, orang yang memiliki budi perkerti yang baik supaya menjadi masyarakat yang berilmu (Mohd Yusuf, 2020). Petunjuk awal ini lah yang mendorong Nabi Muhammad SAW menjadi seorang yang berkeperibadian cemerlang dalam fizikal, mental serta spiritual yang mendahului segala perkara lain yang bersifat duniawi dan materialistik.

Oleh yang demikian, menurut Pratiwi (2021), pendidikan awal kanak-kanak dituntut oleh Islam. Bahkan, terdapat di dalam al-Quran, Allah SWT memperihalkan nasihat Luqman berkenaan kaedah atau bentuk mendidik anak-anaknya. Selain itu, hadis Rasulullah SAW juga banyak membincangkan kaedah atau bentuk pendidikan kanak-kanak, sama ada sebagai perintah atau tindakan baginda dalam mendidik anak secara langsung atau tidak langsung. Oleh itu, para pendidik sama ada guru atau ibu bapa harus mengetahui betapa besarnya tanggungjawab mereka terhadap pendidikan anak-anak di hadapan Allah SWT.

Al-Ghazali (2006) menjelaskan dalam tulisannya bahawa kanak-kanak adalah anugerah daripada Allah SWT kepada ibu bapa mereka yang diamanahkan untuk mendidik dan membentuk hati serta fikiran untuk menjadikan mereka insan yang berguna. Tambah al-Ghazali lagi, pendidikan awal kanak-kanak perlu bermula sejak mereka berada dalam kandungan ibu sehingga mereka dilahirkan. Ibu bapa mesti bersifat tegas terhadap anak-anak mereka dan tidak berlebihan serta keterlalu dalam mengenakan hukuman. Mohd Kamal (2012) menjelaskan bahawa kanak-kanak seharusnya diberikan pendidikan

agama yang berpandukan al-Quran dan sunnah supaya terbentuk sebuah keperibadian mulia serta melatih mereka agar mengamalkan budi pekerti yang terpuji. Ibu bapa hendaklah melarang kanak-kanak daripada melakukan perkara-perkara yang keji iaitu sifat mazmumah, dan mendidik anak-anak mengikut kemampuan dan kefahaman mereka dan sentiasa memperbaiki tingkah-laku serta tidak mengamalkan didikan dengan kekerasan (Hartini, 2021).

Selain itu, pendidikan awal tentang adab merupakan pendidikan penting yang harus diberikan oleh ibu bapa kepada kanak-kanak di rumah. Pendidikan adab termasuklah akhlak bersederhana, tidak berbohong, merendah diri, adab ketika berkomunikasi dan bergaul serta adab bersama orang tua. Dalam konteks pendidikan awal kanak-kanak Islam, pendidikan adab secara tidak langsung dapat membentuk jati diri dalam keperibadian mereka, apabila kanak-kanak ini diajar dan dilatih dengan cara yang betul tentang kandungan ajaran agama berkenaan berpuasa, sembahyang, dan perihal bersifat halal dan haram (Mohd Kamal, 2017). Pandangan ini turut disokong oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas (1992) yang turut menegaskan bahawa pendidikan adalah sebahagian daripada proses menyemai budaya dan adab ke dalam diri setiap insan. Malahan, daripada perspektif Islam sendiri, pendidikan itu memainkan peranan penting dalam melahirkan individu yang berakhlak mulia.

Ringkasnya, pendidikan awal kanak-kanak menurut perspektif Islam adalah begitu luas. Hal ini tidak hanya memfokuskan kepada bacaan al-Quran, sembahyang lima waktu serta berakhlak mulia semata-mata. Bahkan, pendidikan awal ini haruslah meliputi keseluruhan kehidupan semenjak dari awal kelahiran dan sehinggalah tiba hari kematian.

Pembelajaran Bermain Sebagai Alat Menimba Ilmu Menurut Islam

Pembelajaran sambil bermain adalah sebahagian aktiviti yang penting terutama dalam proses perkembangan kanak-kanak (Wilson & Ray, 2018). Hal ini juga berhubung rapat dengan fungsi otak, pembentukan emosi, sikap dan tingkah-laku kanak-kanak. Selain itu, aktiviti sebegini juga merupakan cara terbaik ataupun aktiviti bagi kanak-kanak dalam mengawal tekanan dan emosi yang dihadapi mereka. Bahkan, Rubin dan Clark (2022) turut bersetuju bahawa

penglibatan yang aktif oleh kanak-kanak tentang aturan serta bersosial ketika menjalankan aktiviti bermain akan memberi kerehatan kepada fizikal dan mental kanak-kanak setelah mereka mengalami bebanan emosi, fizikal dan mental dalam pembelajaran formal. Kanak-kanak yang sering dipaksa untuk seharian belajar akan mengakibatkan hati kanak-kanak ini mati dan kebijaksanaan mereka akan menjadi lemah.

Hal ini demikian kerana kanak-kanak akan merasakan mereka dikongkong dan mulai bosan dengan aktiviti yang sama sepanjang masa pembelajaran. Maka, kanak-kanak akan mula mencari helah dan alasan yang munasabah bagi meloloskan diri mereka daripada aktiviti pembelajaran. Hasilnya, kanak-kanak akan mulai menipu dan hal ini dapat memberi kesan buruk bagi jangka panjang kepada seorang kanak-kanak (Rubin & Clark, 2022). Selain itu, memaksa kanak-kanak dalam melakukan aktiviti yang sama sepanjang hari serta memberi tekanan yang lebih kepada mereka akan melemahkan semangat kanak-kanak terbabit untuk terus belajar seterusnya menghilangkan minat mereka untuk mendalami ilmu fardu ain dan kifayah di masa hadapan (Wan Azreena, 2019).

Selain itu, aktiviti bermain juga dapat memberi ruang dan peluang kepada kanak-kanak agar lebih bersifat kreatif, mengembangkan lagi bakat sedia ada, mempertingkatkan lagi kemahiran berfikir dalam penyelesaian masalah, dan meningkatkan pencapaian serta keyakinan diri mereka. Kajian yang dijalankan oleh Andrade (2019) mendapati bahawa kanak-kanak yang diberi peluang untuk bermain akan memiliki perkembangan sosial dan emosi yang stabil dan baik. Hal ini demikian kerana, kanak-kanak sebenarnya meluahkan perasaan, emosi dan fikiran mereka menerusi bermain. Dengan gabungan penggunaan deria seperti memerhati, meneroka, bereksperimentasi, mencipta, berfikir dan membayangkan, hasilnya kanak-kanak akan menjadi cepat dewasa, memiliki pengetahuan yang luas, dan berwawasan. Sebaliknya, mereka yang kekurangan peluang dan ruang dalam aktiviti bermain berkemungkinan menjadi tidak stabil dari sudut emosi, kebijaksanaan dan kurang bergaul.

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa, pendidikan sambil bermain adalah aktiviti yang membawa kegembiraan kepada kanak-kanak. Malah, Islam tidak menghalang aktiviti ini sama sekali, bahkan Islam begitu menggalakkan kanak-kanak untuk bermain sebagaimana hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, menurut Aisyah RA

“Aku selalu bermain anak patung di rumah Rasulullah SAW. Adakalanya rakan-rakan ku datang untuk bermain bersamaku. Suatu hari Nabi SAW datang kepada kami, kami terus sembunyi kerana takutkan Baginda Nabi SAW. Namun begitu, Nabi SAW tidak pula kelihatan marah (apabila melihat patung mainan di tangan mereka), tetapi Nabi SAW datang dan bermain bersama”.

(Sahih al-Bukhari, hadis; 6230)

Sementelah itu, bermain adalah satu nikmat terbesar bagi kanak-kanak memandangkan bermain dapat memberi kegembiraan dan kebahagiaan kepada mereka. Maka, Islam sangat menggalakkan aktiviti bermain kerana menjadi suatu keperluan kepada kanak-kanak terutamanya dari aspek perkembangan fizikal dan mental mereka. Terdapat riwayat yang menunjukkan Rasulullah SAW memuji kanak-kanak yang gemar bermain. Baginda sering memuji kanak-kanak yang gemar bermain dan baginda juga sering bermain dan bergurau senda bersama-sama cucu kesayangannya. Aisyah RA (Al-Ghazali, 2006) meriwayatkan sebuah hadis

“Aku bermain anak patung di sisi Rasulullah SAW bersama-sama beberapa teman. Apabila baginda masuk ke ruang itu, kami berselindung daripadanya, lalu mereka berkumpul mendekatiku dan mereka pun bermain-main denganku”. (Hadis riwayat al-Bukhari)

Selain itu, terdapat juga riwayat yang menyatakan bahawa Rasulullah SAW membonceng Hassan dan Husin untuk bermain kuda-kuda. Menurut riwayat lain, Saidina Umar bin al-Khattab RA sedang merangkak dan membiarkan anak-anaknya bermain di belakang badannya (Mulyani, 2019). Teladan seperti ini mendidik kita bahawa bermain bersama kanak-kanak bukanlah perkara yang membuang masa, bahkan suatu ungkapan kasih sayang dan rasa hormat terhadap mereka. Menurut Imam, Ja’afar (Mulyani 2019), agama Islam turut menggalakkan kanak-kanak untuk bermain;

“Biarkanlah anak bebas bermain hingga usia tujuh tahun”. Sementara Rasulullah SAW berkata *“biarkanlah mereka bermain. Bumi adalah padang rumput bagi anak-anak”.*

Justeru, hal ini sangatlah bertepatan seperti yang dianjurkan oleh agama Islam yang menggalakkan menikmati kehidupan dan berseronok dalam perkara seperti bermain bersama dengan kanak-kanak. Nabi Muhammad SAW dan para sahabat adalah contoh dan teladan yang terbaik dalam bidang ini, yakni meraikan dan mendidik kanak-kanak menerusi bermain. Maka, guru dan pendidik yang bekerja bersama kanak-kanak haruslah memimpin dan mendidik menerusi teladan bagi memupuk didikan kanak-kanak yang sempurna dalam sistem kepercayaan Islam. Melaksanakan prinsip sebegini akan menjadikan proses pembelajaran berasaskan permainan akan menjadi suatu pengalaman yang menyeronokkan serta bermaklumat.

Pengaplikasian Teknik Pembelajaran Sambil Bermain Menurut Islam

Dalam pembinaan dan pengembangan individu, agama Islam sangat menekankan aspek seperti rohani, spiritual, kekuatan mental dan fizikal. Kesepaduan unsur-unsur ini tidak hanya melahirkan individu yang sihat dari segi tubuh badan semata tetapi juga kesihatan dari aspek sahsiah. Selain daripada itu, penerapan teknik seperti yang disarankan di dalam al-Quran dan hadis dapat melahirkan seorang kanak-kanak yang cergas, berkemahiran dan berakhlak. Teknik pembelajaran sambil bermain adalah satu pendekatan yang semakin maju dalam bidang perkhidmatan kaunseling dan pendidikan. Secara umumnya, teknik ini diguna pakai bagi membantu klien kanak-kanak dalam memahami dan menangani permasalahan psikososial mereka. Sungguhpun begitu, pendekatan pembelajaran menerusi bermain yang diajar pada masa kini adalah berteraskan kepada falsafah pendidikan barat yang hanya memfokuskan kepada aspek emosi dan sosial semata. Maka, penggabungan falsafah pendidikan sambil bermain Barat dan pendidikan Islam dapat menambahbaik lagi perkhidmatan kaunseling dan bimbingan kanak-kanak (Santrock, 2018).

Dalam perspektif Islam, pembelajaran menerusi permainan adalah sangat positif kerana penghasilan pembelajaran yang lebih baik hasil pemahaman kanak-kanak terutama dalam pendidikan sains dan hubungan sosial dalam menghadapi cabaran di masa hadapan (Muhd Yusof, 2020). Dengan penerapan prinsip moral Islam dalam strategi pendidikan, kanak-kanak boleh mendapat pendidikan holistik yang bermanfaat bagi masa depannya. Menurut Muhammad Saifullah (2022), bermain juga memiliki nilai penting dalam pengajaran Islam,

yakni Nabi Muhammad SAW turut memberi tumpuan kepada seni dan kesasteraan sebagai medium bagi meningkatkan motivasi dan keseronokan dalam pembelajaran.

Ringkasnya, pembelajaran berteraskan kepada permainan memungkinkan kanak-kanak mempelajari konsep abstrak dan kompleks dengan cara yang menyeronokkan dan berinteraktif terutamanya di zaman globalisasi dan berteknologi. Bahkan, kanak-kanak akan berpeluang untuk belajar bergaul dan bekerjasama dengan orang lain menerusi permainan sosial yang diatur oleh para guru dan pendidik (Santrock, 2018). Hal ini menunjukkan bahawa, Islam itu sendiri menggalakkan kecemerlangan dalam pelbagai bidang dalam kehidupan, termasuklah dalam pendidikan. Oleh demikian, pembelajaran berasaskan permainan bukan sahaja menyediakan kanak-kanak cara yang lebih menyenangkan dalam menuntut ilmu, tetapi juga merupakan cara yang dinamik serta inovatif dalam memenuhi aspirasi Islam dalam mencapai kecemerlangan.

Justeru, dalam teknik pembelajaran sambil bermain terdapat beberapa model yang dapat diaplikasikan ke dalam falsafah pendidikan Barat kanak-kanak seperti model pendidikan bermain seni, boneka, latihan senaman dan sebagainya. Namun begitu, teknik yang diperkenalkan itu memiliki persamaan dengan kaedah yang diterapkan dalam pendidikan dan ajaran Islam. Oleh demikian, adalah sangat berguna seandainya para guru dan pendidik memiliki pendedahan berkaitan teknik pembelajaran sambil bermain dalam konteks Islam dan Barat dan seterusnya dapat mengaplikasikannya kepada kanak-kanak sama ada di pusat asuhan mahupun di sekolah.

Model Pembelajaran Pergerakan

Menerusi model pembelajaran sambil bermain menerusi pergerakan memberi keutamaan terhadap pergerakan dan tindak-tanduk memandangkan mempunyai perkaitan dengan terapeutik yang memungkinkan bagi kanak-kanak untuk memajukan imej diri yang realistik dan bersifat positif. Menurut Nan (2017), model seperti ini sangatlah memberi manfaat dalam merangsang komunikasi sosial dan perkembangan emosi serta mengurangkan kebimbangan seterusnya membentuk keyakinan dan ekspresi diri. Tambahan pula, model pergerakan ini turut berfungsi sebagai pemangkin berhubung dan memberi ruang kepada kanak-kanak untuk berkomunikasi serta

membantu mereka mengekalkan tahap kecergasan fizikal dan daya fokus dalam pembelajaran (Levine et al., 2019). Bahkan, dalam perspektif Islam, pergerakan fizikal mahupun aktiviti senaman amat ditekankan.

Menurut Nor Saleha dan Noor Hafizah (2016) agama Islam begitu menitik-berat berkenaan dengan aktiviti fizikal dalam kalangan umatnya, memandangkan aktiviti seperti ini menyumbang kepada tahap kesihatan fizikal dan mental seseorang individu. Pepatah Arab ada menyebut, *al-aqlus salim fil jismis salim* yakni ‘kecerdasan akal hadir daripada tubuh badan yang cergas’. Hal ini menunjukkan bahawa kecergasan dan kesihatan fizikal boleh memberi impak kepada pemikiran yang kreatif dan produktif. Selain itu, aktiviti sukan yang lazim dikaitkan dengan pergerakan dalam Islam adalah solat. Bersolat bukan sahaja suatu bentuk aktiviti fizikal menerusi pergerakan anggota badan bahkan sebagai terapi kepada umat-Nya bagi memohon dan menyatakan hajat, merendah diri, luahan rasa dan perasaan dan sebagainya. Dalam konsep memberi penjagaan dan asuhan kanak-kanak, para guru dan pendidik berperanan bagi menerapkan nilai kewajipan dalam menunaikan solat lima waktu serta memberi penerangan dan penjelasan dengan pendekatan yang kreatif seiring dengan perkembangan kanak-kanak.

Menurut Cardiah et al. (2021), dalam suatu kajian yang dijalankan, antara aktiviti pembelajaran sambil bermain yang bersesuaian dengan model pembelajaran pergerakan adalah permainan berbentuk pembinaan. Dalam model ini, kanak-kanak digalakkan untuk memanipulasikan objek yang disediakan agar mereka dapat menghasilkan atau membina sesuatu mengikut imaginasi mereka. Kebiasaannya permainan sebegini bersifat konstruktif yang bakal menguji kemampuan akal fikiran dan otot halus kanak-kanak. Sebagai contoh, pembinaan bangunan menggunakan bongkah lego, membuat pelbagai bentuk menggunakan tanah liat dan melengkapkan susunan puzzle.

Model Pembelajaran Muzik

Model pembelajaran menerusi muzik pula meliputi kegiatan yang mengguna pakai instrumen muzik atau penggunaan suara vokal. Menurut Vesileios et al. (2018), pendekatan ini sangat efektif dalam mengurangi kebimbangan, pengurusan tekanan, kawalan emosi dan

sebagainya. Melalui pendidikan Barat, model pembelajaran muzik ini sering dikombinasikan dengan kaedah *systematic desensitization*. Kaedah ini turut bertujuan bagi mengurangi kegelisahan dan kebimbangan dengan mengganti kepada tindak balas yang bersifat adaptif. Menerusi kaedah ini, Knell (2019) mendapati bahawa individu akan berada dalam keadaan ragu dan bimbang pada waktu tertentu, maka seandainya keraguan tersebut digantikan dengan ketenangan, sifat keraguan tersebut akan hilang.

Dalam Islam, penggunaan elemen muzik begitu berkait rapat dengan sistem pendengaran neutral kanak-kanak yakni salah satu sistem deria penting yang sering disebut oleh al-Quran beberapa kali berbanding dengan deria-deria lain (Siti Patonah et al., 2017). Hasil penyelidikan Hanan dan Salwa (2013), mendapati bahawa dengan hanya mendengar dendangan zikir dan bacaan al-Quran dapat mengurangi tahap tekanan individu sekali gus memberi ketenangan terutamanya kepada kanak-kanak. Secara signifikannya, elemen keagamaan seperti berzikir dan bacaan al-Quran dapat menghasilkan gelombang otak bagi mempengaruhi tingkah-laku yang digelar alfa EEG (electroencephalogram) yakni, gelombang otak yang disifatkan sebagai pemberi kepada ketenangan dan kerehatan jiwa sungguhpun kanak-kanak tidak mampu membaca dan memahami al-Quran (Hanan & Salwa, 2023).

Antara aktiviti yang dapat dipraktikkan dalam pendidikan awal kanak-kanak adalah dengan bermain permainan seperti ‘meneka alat muzik’. Kanak-kanak diminta untuk mendengar setiap bunyi peralatan muzik (dalam kes ini para pendidik atau guru boleh menggunakan rakaman audio) dan memaparkan kad dengan membiarkan kanak-kanak memilih gambar alat muzik yang menghasilkan bunyi tersebut (Cardiah et al., 2021). Dalam pemerhatian yang dijalankan oleh Md. Jais et al. (2018), mendapati kanak-kanak mempamerkan tindak balas yang positif dan tertarik dengan aktiviti permainan yang menggunakan muzik. Perkara ini di sokong oleh Clarke (2019) yang menyifatkan kanak-kanak sangat cenderung kepada pembelajaran sambil bermain dengan bunyi-bunyian atau muzik.

Model Pembelajaran Boneka

Dalam konsep model pembelajaran boneka, penggunaan boneka permainan adalah suatu keperluan dalam mengajar dan mendidik kanak-kanak. Salah satu pendekatan model pembelajaran ini adalah dengan penggunaan kaedah Terapi Bermain Kognitif Tingkah Laku

(TBKT). Sebahagian besar intervensi TBKT disalurkan menerusi modeling (Fazio & Ballard, 2017). Hal ini penting memandangkan pemodelan sangat efektif dalam memperoleh, memperkuat dan melemahkan tingkah-laku perilaku. Oleh demikian, belajar menerusi kaedah modeling sangat efektif kepada kanak-kanak terutama dalam membentuk keperibadian, perilaku dan kemahiran baru. Selain itu, pemodelan adalah teknik yang lazim digunakan oleh pendidik bagi mengajar dan mendidik serta menonjolkan perilaku dan pemikiran adaptif (Knell, 2019). Misalnya, ketika menerapkan model pembelajaran boneka, para pendidik atau pengasuh mengkehendaki membawa dua boneka yang bersesuaian, bagi tujuan pembelajaran kemahiran komunikasi dan interaksi sosial yang ingin ditampilkan kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, “Bunny akan mempraktikkan kemahiran mendengar bersama dengan Donkey”. Oleh itu, boneka Bunny akan memberi perhatian kepada boneka Donkey tentang maklumat yang ingin disampaikan dan hal ini akan menunjukkan kepada kanak-kanak tentang kemahiran komunikasi dan mendengar.

Hal ini turut diperkatakan dalam agama Islam yang sangat menitik beratkan keperluan model dalam membentuk keperibadian, emosi dan pendidikan sosial. Model terbaik yang harus menjadi ikutan dan panduan adalah Rasulullah SAW, yakni baginda memiliki keperibadian yang mulia untuk dijadikan tauladan kepada seluruh umat manusia tidak hanya bagi orang Islam semata. Antara penyebab utama Allah SWT mengutuskan Nabi Muhammad SAW kepada umat manusia dengan tujuan bagi menunjukkan akan peri pentingnya memiliki keperibadian diri yang tinggi dan terpuji, seperti yang disabdakan oleh baginda yang bermaksud;

“Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia”.

(Shaybani Siyar (Majid Khadduri, 1966), Musnad al-Imam Ahmad bin Hambal, hadis:8952)

Ini bermakna akhlak dan moral baginda sentiasa menjadi rujukan dan panduan umat manusia. Dalam surah al-Ahzab ayat 21, Allah berfirman yang bermaksud,

“Sesungguhnya telah ada pada (diri) Rasulullah itu contoh tauladan yang baik bagi mu (iaitu) bagi orang yang mengharap (rahmat) Allah dan (kedatangan) hari kiamat dan dia banyak menyebut Allah”.

Selain daripada itu, model pembelajaran ini turut diguna secara bersamaan dengan teknik bercerita (story telling). Dalam konsep Islam, terdapat pelbagai kisah dan cerita berkenaan para sahabat atau hadis yang dapat diketengahkan sebagai sumber aktiviti dengan mengaplikasikan penggunaan boneka kepada kanak-kanak dalam bercerita. Menerusi aktiviti sebegini, para pendidik dan pengasuh dapat mendedahkan atau mendidik kanak-kanak tentang nilai-nilai murni yang wujud menerusi kisah-kisah para sahabat atau hadis-hadis yang diceritakan, kemudian dapatlah diterapkan ke dalam kehidupan sehari-hari. Oleh demikian, model pembelajaran boneka yang diintegrasikan dalam memberi psiko pendidikan berkenaan kemahiran dan perilaku berteraskan kepada akhlak Rasulullah SAW dengan kesepaduan daripada falsafah pendidikan barat mampu untuk mendidik kanak-kanak yang stabil dari segi sosial, emosi dan rohani berserta spiritual.

KESIMPULAN

Pendidikan sambil bermain adalah aktiviti yang menyeronokkan. Aktiviti seperti ini bukan sahaja menyeronokkan dan menghiburkan, namun turut bermatlamatkan bagi meningkatkan kemahiran emosi, fizikal dan sosial kanak-kanak, bahkan turut mampu memberi kesan kepada golongan dewasa. Sungguhpun begitu, Islam menggariskan beberapa panduan dalam pendidikan sambil bermain supaya tidak memudaratkan diri kanak-kanak dan juga orang lain terutamanya dalam perihal seperti beribadah, akademik, hubungan sosial dan lain-lain. Aktiviti bermain yang sihat khususnya kepada kanak-kanak sangatlah dituntut dalam Islam, memandangkan kegiatan seperti ini lebih banyak mendatangkan kebaikan berbanding kemudatan.

Islam merupakan sebuah agama yang bersifat universal yang bertujuan memandu dan membimbing manusia agar memperoleh keberkatan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Islam juga memberi hidayah dan panduan dalam kehidupan seharian manusia. Justeru, Allah SWT memerintahkan hamba-Nya untuk menggali ilmu, kerana hanya insan berilmu yang akan dapat meningkatkan kualiti kehidupan. Oleh demikian, dalam memberi didikan dan asuhan kepada kanak-kanak adalah menjadi tanggungjawab para pendidik dan pengasuh untuk mempertingkatkan lagi ilmu pengetahuan terutamanya yang melibatkan falsafah pendidikan Islam, memandangkan hanya

pendekatan Islam lebih menyeluruh terutama dalam membantu kanak-kanak berkembang secara lebih holistik.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Aimi Najlaa Muhammad Noor & Faridah Yunus. (2021). Kualiti aktiviti di prasekolah KPM dari perspektif guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 71-82.
- Andrade. (2019). Benefits of play for the social and emotional development of children in kindergarten. Capstone Projects and Master's Theses.
- Al-Ghazali. (2006). Mukhtasar Ihya U'lumiddin. (Terjemahan Ibnu Yasin). Johor Baharu: Perniagaan Jahabersa.
- Brock, A., Sylvia, D., & Jarvis, P., & Olusoga, Y. (2019). Perspectives on play. Learning for life. Pearson Education Limited.
- Broedhead, S. S. (2019). Historical thinking and other unnatural acts: Charting the future of teaching the past. Temple University Press.
- Bruce, D. (2021). Play as the learning medium for future scientists, mathematicians and engineers. *American Journal of Play*, Spring, 413-428.
- Cardiah, T., Sudarisman, I., Natasya, E. F., Putri, A. R., Senawianto, A. N., & Andiyana, A. (2021). Pattern of space dan perilaku bermain anak sekolah selama pendidikan jarak jauh (PJJ). *Jurnal Arsitektur Arcade*, 5(3), 286-298.
- Clarke, S. (2019). The musical education of academically gifted and talent student: Teachers' and student' perspectives. (Undergraduate thesis). Sydney Conservatory of Music, University of Sydney, Australia.
- Fazio-Griffith, L. J., & Ballard, M. B. (2017). Cognitive behavioral play therapy techniques in school based group counseling: Assisting students in the development of social skills. *VISTAS Online* 18.
- Garris, R., Ahlers, R., & Driskell, J. E. (2022). Game, motivation, and learning: A research and practice model. *Simulation & Gaming*, 33(4), 441-467.

- Idris Awang. (2021). *Kaedah Penyelidikan: Suatu sorotan*. Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan Intel Multimedia and Publications.
- Hanan, S., & Salwa, M. (2023). Effects of zikir meditation and Jaw relaxation on postoperative pain, anxiety and physiologic response of patients undergoing abdominal surgery. *Journal of Biology, Agriculture and Healthcare*, 3(2), 23-38.
- Hunicke, R., LeBlanc, M., & Zubek, R. (2017). MDA: A formal approach to game design and game research. Workshop on challenges in game AI, hlm. 1-4.
- Hofferth, S.L. & Sandberg, J.F. (2021). How American children use their time. *Journal of Marriage and Family*, 62, May, hlm 295-308.
- Levine, B., Land, H. M., & Lizano, E. L. (2019). Critical social work the element of dance/movement therapy employed when treating women with posttraumatic stress disorder critical social work. *Critical Social Work*, 16(1), hlm. 40-57.
- Kamarudin Hussin. (2019). *Sekolah dan perkembangan kanak-kanak*. Utusan Publication.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2021). *Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (Semakan)*. Kuala Lumpur: Penulis.
- Knell, S. M. (2019). *Cognitive behavioral play therapy: Theory and applications*. Dalam. A. A. Drewes (Pynt), *Blending play therapy with cognitive behavioral therapy: Evidence-based and other effective treatments and techniques* Hoboken, John Wiley & Sons Inc.
- Majid Khadduri. (1966). *The Islamic Law of Nation Shaybani Siyar* (trans.). The Johns Hopkins Press Baltimore.
- Mariani Md. Nor & Siti Hawa Abdullah. (2019). Pendekatan main dalam menangani masalah pembelajaran kanak-kanak. *Diges Pendidik*, Jilid 9, Bil.2/2019.
- Md. Jais bin Ismail, Rorlinda binti Yusuf & Loo Fung Chiat. (2019). Aktiviti muzikal yang sesuai dijalankan semasa proses pengajaran dan pembelajaran muzik murid-murid pintar dan berbakat di Malaysia. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 3(5), 30-40.
- Mohd Kamal Hassan. (2012). *Membangun modal insan Melayu dalam sistem pendidikan Islam*. Kertas Kerja Perbincangan Meja Bulat Mengarusperdanakan Sistem Pendidikan Islam di Malaysia. Kuala Lumpur, 5 Jun 2012. Anjuran Dewan Amal Islami (DAMAI).

- Mohd Yusuf Othman. (2020). *Konsepsualisasi semula Kurikulum Pendidikan Islam*. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).
- Morrison, G. S. (2020). *Early childhood education today*. Prentice Hall, Inc.
- Muhammad Saifullah Mamat. (2022). Bermain menurut Islam: Konteks pendidikan awal kanak-kanak. *Rabbanica*, 3(2), 17-30.
- Mulyani, N. (2019). *Dasar-dasar pendidikan anak usia dini*. *Kalimedia*, hlm. 80.
- Nan, J. (2017). Effects of clay art therapy on adults outpatients with major depressive disorder: A randomized controlled trial. *Journal of Affective Disorders*, 217(5), 237-245.
- N. Hartini. (2021). Metodologi pendidikan anak dalam pandangan Islam (Studi tentang cara-cara Rasulullah SAW dalam mendidik anak). *Jurnal Pendidikan Agama Islam-Ta'lim*. 9(1), 31-42.
- Norfaezah Mohd Hamidin, Siti Nurhajariah Md. Isa, Awatif Abdul Rahman & Idi Hamdi. (2017). Pendidikan awal kanak-kanak (PAKK) di Malaysia: Kajian literatur. *Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan, Selangor*, 26-27 April 2017. Anjuran Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS).
- Nor Saleha & Noor Hafizah. (2016). *Dasar-dasar pendidikan anak usia dini*. *Kalimedia*, hlm. 80.
- Papalia, D. E., & Olds, S. W. (2020). *Child's world: Infancy through Adolescence*, Ed. 7. McGraw Hill.
- Piaget, J. (1951). *Play, dreams and imitation in childhood*. Heinemann.
- Pratiwi, D. (2021). *Bimbingan ibadah bagi mualaf dalam buku bimbingan Islam untuk peribadi dan masyarakat*. Karya Syekh Muhamad bin Jamil Zainu. Doctoral Disertation, Uin Raden: Fatah Palembang.
- Rubin, K. H., & Clarke, M. L. (2022). Preschool teachers' ratings of behavioral problems: Observational, sociometric and social-cognitive correlates. *Journal of Abnormal Child Psychology*, 11(22).
- Santrock, J. W. (2018). *Life span development*. Ed. 9. McGraw Hill.
- Shariff et al. (2018). Nutrition education intervention improves nutrition knowledge, attitude and practices of primary school children: A pilot study. *Internasional Electronic Journal of Health Education*, 11, 119-132.
- Siti Patonah, M. Zulkifli, M. Y., & Durriyyah, S. H. A. (2017). Terapi bunyi melalui bacaan al-Quran bagi masalah emosi dan kemahiran motor perturuan kanak-kanak autistic. *Internasional Journal of Qurranic Research*, 5(2), hlm 53-72.

- Syed Muhammad Naquib al-Attas. (1992). Konsep pendidikan dalam Islam. (Terjemahan Haidar Bagir). Mizan.
- Vesileios, S., Rebecca, C., Lelounda, S., Sarah Le, R., & Lucie, B. (2017). The therapeutic contribution of music in music-assisted systematic desensitization for substance addiction treatment: A pilot study. *The Art in Psychotherapy*, 56, 30-44.
- Vickerius, M., & Sandberg, A. (2020). The significance of play and the environment around play. *Early Child Development and Care*, 176, 2017-217.
- Wan Azreena Wan Jaafar. (2019). Konsep pendidikan kanak-kanak menurut tokoh psikologi barat dan Islam. Latihan Ilmiah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wilson, B. J., & Ray, D. (2018). Child-centered play therapy: Aggression, empathy, and self-regulation. *Journal of Counseling & Development*, 96(4), 399-409.